

## **PEMILIHAN DAN AUTORITI SUMBER BERITA BINGKAI PILIHANRAYA DI MALAYSIA**

MOHD ZUWAIRI MAT SAAD  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
*ZUWAIRI@UUM.EDU.MY*

NORMAH MUSTAFFA, ABDUL LATIFF AHMAD & BADRUL REDZUAN ABU HASSAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **Abstrak**

Dalam dunia kewartawanan, sumber memainkan peranan penting dalam sesuatu berita. Wartawan bergantung kepada sumber dalam pengolahan berita mereka untuk disampaikan kepada khalayak. Sumber dibahagikan kepada beberapa kategori antaranya pegawai kerajaan, pengamal industri media, golongan elit awam, para saintis, doktor, peguam, profesional atau pakar. Kategori sumber politik menjurus kepada sumber yang lebih berkait rapat dengan individu yang aktif dalam aktiviti politik termasuklah dari kalangan rakyat biasa. Artikel ini membincangkan kategori sumber yang popular yang digunakan dalam berita pilihan raya kecil pada tahun 1987, 1997 dan 2014 dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Kaedah analisis kandungan telah dilakukan ke atas sebanyak 419 artikel berita pilihan raya kecil yang dipilih secara rawak. Kaedah temubual mendalam bersama enam wartawan turut digunakan untuk memperkuuhkan pemilihan sumber yang berautoriti dalam berita pilihanraya. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun ahli politik tempatan merupakan sumber utama dalam berita bingkai pilihan raya sedangkan sumber yang menjadi pilihan adalah mereka yang berautoriti dalam sesuatu isu politik.

*Kata Kunci: sumber berita, autoriti, kewartawanan, politik, pemilihan sumber*

## **THE SELECTION AND AUTHORITY OF SOURCES IN ELECTION NEWS FRAME IN MALAYSIA**

### **Abstract**

In journalism, a source plays an important role in any news. Journalists depend on sources in the processing of their news to be conveyed to the audience. Authoritative sources may include government officials, media practitioners, public elites, scientists, doctors, lawyers, professionals or experts. The sources for political news are categorically those associated with individuals who are politically active, and this includes ordinary citizens. This article explores popular sources used in the framing election news in 1987, 1997 and 2014 in *Utusan Malaysia* and *Berita Harian*. A content analysis was carried out on 419 election news articles that were randomly selected. In-depth interviews were done on six journalists and the data is used to strengthen the source selection authority in electoral news. The study found that whilst local politicians are the main source of election news frame, however, the selection of sources remains the advantage of those with the authority to comment on specific political issue.

*Keywords:* news sources, authority, journalism, politic, sources selection

### **PENGENALAN**

Dalam dunia kewartawanan, penulisan berita disokong dengan kesahihan maklumat yang membantu memberi gambaran realiti sebenar kepada khalayak. Sudah pasti khalayak tidak akan menerima sesuatu maklumat jika tiada kesahihan dan memberi gambaran yang palsu. Konsep kewartawanan seperti 'sahih' dan 'realiti' ini tidak boleh dipisahkan dari konsep objektiviti dalam dunia kewartawanan. Tuchman dan Gaye (1978) mengatakan bahawa objektiviti ini membenarkan wartawan untuk menyembunyikan diri mereka walaupun berita 'dibina' dan wartawan merupakan 'sebahagian' daripada berita mereka sendiri. Walau bagaimanapun, pembinaan berita oleh

wartawan dalam objektiviti kewartawanan memerlukan individu sebagai sumber untuk memberi kesahihan dan gambaran kepada maklumat yang disampaikan kepada khalayak.

Sumber digunakan untuk membuktikan bahawa setiap berita atau maklumat yang dipaparkan sama ada melalui media cetak maupun elektronik adalah berautoriti dan berkredibiliti. Menurut Conrad (1999), wartawan bergantung kepada sumber dalam berita mereka. Sumber boleh dianggap sebagai elemen penting dalam berita untuk memberi kepercayaan kepada khalayak mengenai sesuatu isu atau peristiwa yang dibingkaikan oleh wartawan. Maklumat atau informasi mengenai sesuatu isu dan peristiwa mempunyai sumber tersendiri termasuklah berita mahkamah, jenayah maupun berita yang menumpukan kepada bingkai politik.

Sesetengah jenis sumber yang kerap digunakan terutama dalam media elektronik atau media cetak termasuklah pegawai kerajaan (Maier & Kasoma, 2005); pengamal industri (Berkowitz, 1992) dan golongan pakar (Corbett & Mori, 1999). Ini disebabkan golongan tersebut mempunyai pengaruh yang lebih besar dalam menentukan agenda media dan merangka isu-isu berbanding sumber yang lain.

Dalam liputan media mengenai maklumat sains dan perubatan, sumber yang sering digunakan ialah pegawai kerajaan, ahli-ahli sains, dan pegawai industri sering (Sumpter & Garner, 2007; Tanner & Friedman, 2011). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara pemilihan sumber dan maklumat yang ingin disampaikan kepada khalayak. Hanya sumber yang layak dan sesuai dengan topik atau isu yang dibincangkan sahaja yang diambil sebagai sumber. Individu-individu yang berkecimpung dalam dunia praktis atau pakar yang mempunyai autoriti dan layak memberikan pandangan tentang isu berkaitan kepakaran bidang mereka.

Perbezaan sumber juga berlaku dalam berita bingkai politik. Dimitrova dan Strömbäck (2012) menyatakan terdapat beberapa jenis sumber yang digunakan dalam berita politik. Antaranya adalah ahli-ahli politik dalam negara (pegawai yang dipilih atau calon-calon bertanding bagi jawatan); pihak pelaksana atau kumpulan (seperti perunding, peninjau pendapat, pengurus kumpulan, para pegawai atau pihak kumpulan); rakyat biasa (orang-orang yang tidak dibenarkan bercakap kerana kedudukan mereka dalam hierarki tertentu tetapi sebaliknya sebagai orang biasa); dan wartawan atau penganalisis media (orang yang dikenal pasti sebagai bekerja untuk media dan membuat liputan berita).

Penjelasan Dimitrova dan Strömbäck (2012) mengenai sumber berita politik ini menunjukkan bahawa masih lagi terdapat persamaan dengan sumber-sumber dalam bidang lain seperti bidang saintifik dan teknikal. Timbul persoalan adakah ahli politik merupakan individu yang dibingkaikan oleh wartawan sebagai sumber dalam berita politik di Malaysia? Bagaimana dengan pemilihan dan autoriti sumber? Artikel ini membincangkan kategori sumber yang terdapat dalam akhbar media

cetak semasa menyampaikan maklumat mengenai berita politik. Perbincangan ini dibahagikan kepada beberapa sub topik yang saling berkaitan dengan pembingkaian berita politik seperti sumber yang digunakan, pemilihan sumber dan autoriti sumber.

## SUMBER DAN MEDIA

Kajian terdahulu banyak menjadikan sumber sebagai fokus kajian mereka. Pada tahun 2005, Shahira (2005) mengkaji sumber-sumber berita yang digunakan untuk menggambarkan secara visual mengenai kejadian serangan 11 September 2001 dan perang di Afghanistan dalam akhbar bahasa Inggeris *The International Herald Tribune* dan akhbar Arab *Al-Hayat* dengan menggunakan kaedah analisis kandungan imej akhbar. Kajian menumpukan terhadap perbezaan sumber imej dalam menggambarkan serangan 9/11 dan Perang Afghanistan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan sumber imej yang kebanyakannya diperolehi dari agensi-agensi berita utama seperti AP, AFP dan Reuters.

Pada tahun 2007, Sumpter dan Garner (2007) menggunakan kaedah yang sama iaitu analisis kandungan terhadap tiga akhbar dalam mengenal pasti jenis sumber, apa yang diperkatakan dan apakah sumber yang selalu digunakan dalam berita bencana kapal angkasa Columbia. Hasil kajian mendapati wartawan menggunakan sumber utama pemimpin kerajaan, ahli lembaga NASA, jurutera dan agensi pekerja. Sumber yang diperkatakan dalam akhbar lebih kepada fakta neutral. Sumber yang selalu digunakan dalam akhbar kebanyakannya menggunakan angkasawan dan saudara-mara, kontraktor NASA yang membina dan membaiki kapal angkasa, agensi penyiasat kemalangan daripada kerajaan berbanding daripada penyiasat kemalangan NASA atau Columbia.

Ross (2007) turut menggunakan kaedah yang sama namun berbeza dari sudut fokus kajian. Objektif-objektif kajian adalah mengenal pasti peranan jantina dalam mempengaruhi pemilihan sumber dalam kalangan wartawan. Analisis kandungan dilakukan sepanjang 10 minggu iaitu sebelum, semasa dan selepas pilihanraya umum British pada tahun 2005 dengan menggunakan teori penentuan agenda. Hasil kajian mendapati sumber petikan dari jantina lelaki selalu digunakan berbanding wanita dan wartawan wanita selalu menggunakan sumber lelaki berbanding wanita dalam penulisan berita mereka. Kajian juga mendapati bahawa budaya bilik berita mempengaruhi sumber wartawan di mana golongan elit dan suara lelaki (kulit putih) dikatakan lebih berpengaruh dan lebih berkuasa.

Pada tahun 2010, Miller dan Kurpius mengkaji kredibiliti sumber berita televisyen dari sudut khalayak yang berbeza bangsa (Caucasian dan African America). Kaedah yang dijalankan adalah eksperimen di mana kajian menggunakan 244 pelajar yang didedahkan kepada 10 berita

TV. Hasil kajian mendapati bahawa penonton dapat membezakan sumber yang mempunyai kredibiliti di antara sumber rasmi dan tidak rasmi. Tiada perbezaan dalam keputusan kajian berkaitan dengan sumber mengikut bangsa.

Bagi Dimitrova dan Strömbäck (2012), kajian mereka menumpukan kepada bingkai strategik dan konflik dan melihat perbezaan dan perkaitan sumber berita pilihanraya di Sweden dan Amerika Syarikat dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kuantitatif. Dapatan kajian mendapati bahawa bingkai strategik selalu digunakan dalam liputan di Amerika Syarikat. Selain itu, keputusan juga mendapati bahawa sumber ahli politik tempatan dalam berita memberi keputusan yang signifikan dengan bingkai strategik berbanding dengan bingkai isu. Manakala sumber rakyat biasa adalah signifikan dengan bingkai isu.

Pada tahun berikutnya, Lacy et al. (2013) melihat bagaimana berita menggunakan sumber untuk membuat liputan mengenai kerajaan tempatan dan kesan terhadap penggunaan sumber. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap 198 stesen radio di Amerika Syarikat dari bulan Februari sehingga April 2009. Kajian menunjukkan bahawa berita radio mempunyai sumber yang sedikit dan tidak pelbagai berbanding sumber dalam akhbar harian. Perbezaan dalam penggunaan sumber antara radio dan berita dalam akhbar mingguan tidak konsisten. Pemboleh ubah peramal yang berkaitan dengan penggunaan sumber menunjukkan bahawa berita dari kerajaan tempatan disokong secara terbuka dan stesen radio-televisyen mempunyai sumber yang lebih pelbagai dalam berita.

Pada tahun yang sama, Matthews (2013) menggunakan kaedah analisis isi kandungan dalam melihat kepelbagaian sumber dalam liputan berita keganasan di UK berkaitan plot islamik dalam berita. Kajian beliau bertujuan untuk mengenal pasti keutamaan dan peranan sumber-sumber rasmi dan menjelaskan ciri-ciri penggunaan sumber dalam laporan berita mengenai plot keganasan. Analisis menunjukkan bahawa penggunaan wartawan sebagai sumber adalah pragmatik. Malah penggunaan sumber dalam berita keganasan menunjukkan anjakan yang lebih luas dalam wacana media dalam tempoh kajian.

Selain itu, kajian Pjesivac, dan Rui (2014) pula melihat kredibiliti berita yang terjejas akibat daripada sumber yang tidak dapat dikenal pasti. Kajian menggunakan kaedah eksperimen terhadap 620 pelajar prasiswazah di China dan Amerika Syarikat. Keputusan kajian mendapati bahawa pelajar Amerika dan China menilai sumber berita yang tidak dapat dikenal pasti sebagai sumber yang kurang kredibiliti. Berbeza dengan sumber berita yang dapat dikenal pasti, maklum balas pelajar Amerika terhadap berita ini lebih positif.

Secara rumusannya, sumber meliputi individu yang terlibat dengan sesuatu isu yang telah diberi liputan oleh wartawan dalam laporan berita. Sumber berita ditafsirkan sebagai individu dengan pernyataan, fakta atau petikan yang dikaitkan secara langsung dalam artikel berita (Dimitrova, dan Strömbäck 2012).

Dalam membentuk kategori sumber, pengkaji mengubahsuai sumber politik yang telah digunakan oleh Dimitrova dan Strömbäck (2012) mengikut konteks sumber berita bingkai pilihan raya kecil di Malaysia. Pengubahsuai tersebut termasuklah penambahan kepada satu kategori sumber iaitu bekas menteri. Penambahan ini adalah hasil daripada pembacaan pengkaji terhadap artikel berita pilihan raya sepanjang tempoh berkempen. Hal ini kerana bekas menteri juga merupakan sumber yang digunakan oleh wartawan dalam laporan berita.

Berikut merupakan beberapa jenis kategori sumber secara terperinci seperti:

- (a) Ahli-ahli politik dalam negara: sumber yang tergolong dalam kategori ini terdiri daripada ahli dewan undangan negeri, ahli majlis tertinggi, ahli parti politik, calon, ketua pemuda, naib presiden parti, pengurus parti, pengurus pemuda parti, setiausaha agung parti, timbalan presiden parti dan pegawai lain yang dipilih berkaitan dengan parti atau calon-calon bertanding bagi jawatan.
- (b) Menteri: sumber yang tergolong dalam kategori ini adalah terdiri daripada ketua menteri, menteri besar, menteri di kementerian, menteri di jabatan perdana menteri.
- (c) Bekas menteri: sumber yang tergolong dalam kategori ini adalah terdiri daripada bekas - perdana menteri, ketua menteri, menteri besar, menteri di kementerian, menteri di jabatan perdana menteri.
- (d) Kakitangan kerajaan: sumber yang tergolong dalam kategori ini adalah terdiri daripada hakim, ketua polis (negara, negeri, daerah), ketua/timbalan ketua/pegawai-pegawai kerajaan, pengurus agensi kerajaan.
- (e) Pihak operatif atau kempen: sumber yang tergolong dalam kategori ini adalah terdiri daripada pengarah pilihan raya parti, pengurus jentera pilihan raya parti, pihak operasi kempen parti termasuklah perunding, peninjau pendapat, pengurus kempen, para pegawai kempen.
- (f) Rakyat biasa: sumber yang tergolong dalam kategori ini adalah terdiri daripada ahli jawatankuasa (AJK) penduduk tempatan sama ada di kawasan perkampungan mahupun perumahan, ibu-bapa calon, penduduk kawasan setempat, peniaga, pesara, petani, suri rumah dan orang-orang yang tidak dibenarkan bercakap kerana kedudukan mereka dalam hierarki tertentu tetapi sebaliknya sebagai orang biasa.

- 
- (g) Wartawan atau penganalisis media: sumber yang tergolong dalam kategori ini adalah terdiri daripada wartawan, penganalisis media, orang yang dikenal pasti bekerja dalam prospek media dan wartawan yang membuat liputan berita.
  - (h) Sumber lain: sumber yang tergolong dalam kategori ini adalah terdiri daripada individu yang mempunyai jawatan dalam agensi-agensi bukan kerajaan dan yang berkaitan dengannya.

## **METODOLOGI**

Kebanyakan kajian terdahulu menggunakan kaedah analisis kandungan kuantitatif dan kaedah campuran temu bual mendalam serta eksperimen. Jika dilihat mengikut peredaran tahun, kajian terdahulu banyak menumpukan kepada akhbar bercetak namun dengan berlakunya perkembangan teknologi dalam media, kajian lebih menumpukan kepada berita-berita yang dipaparkan oleh media elektronik mahupun media baru. Sehubungan dengan kajian-kajian lalu dalam mengkaji sumber berita, kajian ini menggunakan kaedah analisis isi kandungan dalam melihat sumber berita dengan menggunakan media cetak berbahasa Melayu iaitu akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* dalam melihat transisi sumber pada tahun 1987, 1997, 2014. Pemilihan tiga tahun tersebut adalah untuk menunjukkan transisi pemilihan sumber oleh wartawan dari tahun 80-an hingga ke dunia digital. Berita bingkai politik dipilih berdasarkan kepada pemilihan pilihan raya kecil pada tahun tersebut. Sebanyak empat pilihan raya kecil yang dipilih untuk setiap tahun iaitu dua disebabkan kematian dan dua lagi disebabkan perletakan jawatan. Hal ini kerana kematian dan perletakan jawatan merupakan sebab utama berlakunya pilihan raya kecil. Secara keseluruhannya sebanyak 12 pilihan raya kecil telah dipilih untuk ketiga-tiga tahun tersebut. Sebanyak 419 artikel dikumpulkan berkaitan dengan berita politik dengan menggunakan kata kunci ‘pilihan raya kecil’ diikuti oleh kawasan yang bertanding. Selain itu, temu bual mendalam juga diadakan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk. Wartawan yang dipilih merupakan wartawan yang mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam bidang kewartawanan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Penemuan kajian ini adalah berdasarkan lapan kategori yang telah dibentuk iaitu ahli politik dalam negara, menteri, kakitangan kerajaan, rakyat biasa, wartawan atau penganalisis media, pihak operasi kempen, bekas menteri dan sumber lain (sumber yang tidak berkaitan dengan sumber-sumber yang telah dinyatakan). Jika dilihat kepada jumlah keseluruhan artikel yang dijadikan sebagai sampel kajian iaitu sebanyak 419 artikel seramai 441 sumber telah dikenal pasti. Ini membuktikan bahawa setiap satu artikel berita tidak tertumpu kepada satu sumber sahaja dalam

laporan berita. Malah berdasarkan pemerhatian dan dapatan kajian dua atau lebih sumber boleh berada dalam satu-satu laporan berita politik. Hasil kajian secara keseluruhan dipaparkan dalam Jadual 1 dan sub-kategori turut dibincangkan secara terperinci seperti di bawah.

Jadual 1: Penggunaan sumber mengikut kategori

Kategori Sumber	Kegunaan Sumber (n=441)
Ahli politik dalam negara	45.4%
Menteri	24.7%
Kakitangan kerajaan	15%
Rakyat biasa	6.8%
Sumber lain	3.7%
Wartawan atau penganalisis media	2.1%
Pihak operasi kempen	1.6%
Bekas menteri	0.7%
Jumlah	100%

#### *Ahli Politik Dalam Negara*

Secara keseluruhan, daripada lapan kategori sumber yang dibentuk, ahli politik dalam negara mendominasi sumber berita sebanyak 45.4% iaitu hampir separuh daripada jumlah keseluruhan sumber. Kategori ini melibatkan ahli-ahli politik dalam negara yang terlibat dengan parti-parti politik di Malaysia sama ada parti politik pihak pembangkang mahupun pihak kerajaan. Individu-individu yang bekerja atau berjawatan dalam parti-parti politik juga tergolong dalam kategori ini.

Jika dilihat daripada data yang diperoleh, jumlah kekerapan sumber yang paling tinggi dalam kategori ini adalah sumber daripada Calon Barisan Nasional (BN). Calon BN merupakan calon parti kerajaan. Penumpuan kepada sumber Calon BN ini berkait rapat dengan pemilikan syarikat akhbar itu sendiri yang mana kedua-dua akhbar ini merupakan akhbar Bahasa Melayu utama di Malaysia. Pemilikan syarikat media juga sering dikaitkan dengan parti-parti politik. Akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* sering dikaitkan dengan parti UMNO. Hal ini disebabkan perlantikan ahli-ahli tertinggi dalam pentadbiran syarikat itu sendiri mencerminkan pemilikan syarikat. Menurut Jeniri Amir (2005), Ibrahim Fikri telah dilantik menjadi Pengarah Urusan dan Ketua Pengarang dalam *Utusan Malaysia* semasa memegang jawatan sebagai Ketua Penerangan UMNO pada tahun 1961. Lebih jelas apabila corak laporan berita sebelumnya lebih

seimbang tetapi selepas diambil alih oleh UMNO, (*Utusan Melayu* pada ketika itu) corak penulisan berita lebih memihak kepada UMNO (Abdul Latiff Bakar, 1998).

Manakala sumber kedua tertinggi dalam kategori ini ialah Pengurus Badan Perhubungan Agung UMNO juga mempunyai persamaan jenis petikan dengan jumlah kekerapan sebanyak 21. Data kajian juga menunjukkan bahawa wartawan tidak menumpukan kepada sumber seperti ahli dewan undangan negeri, ketua wanita parti, pengurus pemuda sama ada di pihak pembangkang maupun kerajaan. Secara tidak langsung hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wartawan memfokuskan kepada calon dan ketua sepanjang tempoh berkempen diadakan bagi mewakili parti yang dipertandingkan semasa pilihan raya kecil.

Hasil kajian hampir selari dengan dapatan kajian Cross (2010) yang mana dalam kajiannya mendapati bahawa sebanyak 58.6% ahli politik digunakan sebagai sumber oleh wartawan dalam membuat liputan mengenai berita pilihan raya. Ini menunjukkan keputusan secara global bahawa ahli politik merupakan sumber utama yang diberi liputan oleh media menjelang pilihan raya.

### ***Menteri***

Menteri berada di tempat kedua daripada lapan kategori sumber iaitu sebanyak 24.7%. Sub-kategori ini termasuklah individu yang berjawatan sebagai menteri sama ada di kementerian kerajaan, jabatan perdana menteri, malah termasuk di negeri-negeri di Malaysia. Hasil kajian secara terperinci mendapati bahawa wartawan lebih gemar memilih Menteri Besar sebagai sumber dalam kategori ini berbanding sub kategori yang lain seperti menteri di jabatan perdana menteri maupun menteri di kementerian. Manakala kategori sumber kedua tertinggi ialah ketua menteri.

Sumber menteri besar menunjukkan jumlah kekerapan yang paling tinggi dan ketua menteri kedua tertinggi. Ini menunjukkan wartawan hanya memilih kedua sub kategori ini bagi Pilihan Raya Kecil. Secara tidak langsung keputusan ini mempunyai hubungan dengan sampel kajian.

### ***Kakitangan Kerajaan***

Kategori ini melibatkan individu-individu yang bekerja dalam sektor kerajaan. Kategori ini ketiga tertinggi dengan nilai peratus sebanyak 15%. Bagi kategori sumber ini, Pengurus Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Setiausaha SPR merupakan sumber yang paling kerap digunakan oleh wartawan.

Hasil dapatan kajian mengenai pemilihan sumber SPR ini menunjukkan bahawa kakitangan SPR memainkan peranan penting dalam pilihan raya kecil. Badan organisasi yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir proses pilihan raya dan undi di Malaysia ialah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Kewujudan organisasi seperti SPR untuk mengurus dan

mentadbir hal ehwal pilihan raya diperlukan bagi memastikan proses pilihan raya adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19).

### **Rakyat Biasa**

Kategori sumber ini merangkumi AJK kawasan penempatan, peniaga, keluarga calon, petani, pesara dan sebagainya. Pemilihan kategori sumber rakyat biasa oleh wartawan menduduki tempat keempat antara lapan kategori dengan nilai peratusan sebanyak 6.8%. Bagi kategori ini wartawan lebih gemar memilih peniaga sebagai sumber dalam menyampaikan maklumat mengenai pilihanraya. Maklumat-maklumat yang disampaikan ini termasuklah dalam bingkai sosial, ekonomi mahupun politik berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan ke atas berita bingkai pilihan raya kecil. Wartawan mengambil kategori ini sebagai sumber untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai pembangunan ekonomi rakyat termasuklah pandangan mereka mengenai calon-calon yang dipertandingkan dalam pilihan raya kecil. Secara tidak langsung melalui pandangan yang diberikan oleh rakyat ianya mungkin dapat memberi kesan kepada imej calon tersebut di mata pengundi.

Rakyat biasa yang berada dalam kumpulan sosial merupakan golongan yang mempunyai kuasa dalam mempengaruhi khalayak lain dalam sesuatu isu. Kumpulan sosial boleh dikaitkan kuasa sosial dengan akses aktif atau pasif mereka kepada pelbagai bentuk awam, selain berpengaruh atau membangkitkan sesuatu isu seperti yang terdapat di media massa massa sama ada media cetak, elektronik mahupun media baru. Kategori ini mempunyai akses yang aktif kepada perbualan harian dengan ahli keluarga, rakan-rakan atau rakan sepejabat. Malah mereka turut mempunyai akses kepada perbualan dengan golongan profesional seperti peguam, doktor atau kakitangan awam. Walaupun rakyat biasa boleh menggunakan media, mereka biasanya tidak mempunyai pengaruh langsung ke atas kandungan berita tetapi mereka merupakan sumber utama dalam laporan berita (Van Dijk, 1995).

### **Sumber Lain**

Kategori sumber lain berada di tempat yang kelima dengan nilai peratusan sebanyak 3.7%. Sumber lain ini termasuklah individu-individu yang tidak mempunyai apa-apa jawatan dalam sektor kerajaan tetapi mempunyai jawatan dalam sektor bukan kerajaan. Hasil kajian menemukan beberapa sub kategori dalam sumber lain ini seperti ahli majlis badan amal, presiden organisasi bukan kerajaan, bekas presiden parti dan sebagainya. Bagi kategori sumber ini, wartawan memilih bekas presiden parti Melayu semangat 46 dengan jumlah kekerapan yang paling tinggi.

Kewujudan bekas presiden parti semangat 46 sebagai sumber dalam kajian ini adalah kerana analisis ini dilakukan terhadap laporan berita bagi tahun 1987. Pada ketika ini parti ini hangat dalam arena dunia politik apabila ketuanya merupakan bekas ahli UMNO yang telah

menubuhkan parti baru. Parti Melayu Semangat 46, yang sebelum ini dikenali sebagai Semangat 46, adalah sebuah parti pembangkang yang ditubuhkan oleh ketuanya Tengku Razaleigh Hamzah. Idea Semangat 46 pertama muncul pada tahun 1985 atau 1986 apabila Malaysia mengalami kemelesetan ekonomi. Pada tahun 1987, Razaleigh mengetuai "Team B" mencabar "Team A" yang diketuai oleh Mahathir untuk menguasai UMNO. Mahathir memenangi pemilihan parti dengan majoriti tipis 41 undi pada ketika itu (Yahaya Ismail, 2003).

### ***Wartawan atau Penganalisis Media***

Wartawan atau penganalisis media dengan nilai peratusan sebanyak 2.1% berada di tempat ketiga terbawah sebagai sumber yang dipilih oleh wartawan. Sumber ini hanya menganalisis pola pengundian dan pola kemenangan parti yang bertanding untuk pilihan raya kecil dalam laporan berita. Pola pengundian dan kemenangan ini dilakukan pada hari pengundian dan kebanyakan laporan berita mengenai pola ini terletak di hadapan muka surat khabar. Mereka tidak diberi peluang untuk bersuara sebagai sumber dalam akhbar semasa menyampaikan berita bingkai politik.

### ***Pihak Operasi Kempen***

Pihak operasi kempen berada di tempat ke tujuh daripada lapan kategori sumber yang dibentuk (1.6%). Pihak operasi kempen ini termasuklah pengarah pilihan raya parti, pengurus jentera pilihan raya dan pihak operasi kempen. Berdasarkan hasil kajian menunjukkan pengarah pilihanraya parti merupakan sumber utama dalam kategori ini.

### ***Bekas Menteri***

Kategori ini merupakan kategori yang paling rendah nilai peratusan iaitu sebanyak 0.7%. Bekas menteri yang dimaksudkan termasuklah bekas perdana menteri dan menteri di jabatan-jabatan kerajaan. Wartawan hanya mengambil kategori ini untuk membincangkan mengenai isu-isu tertentu dalam dunia politik. Hanya bekas perdana menteri sahaja yang diambil sebagai sumber berdasarkan analisis data yang telah dilakukan.

### ***Transisi Kategori Sumber***

Jadual 2: Transisi kategori sumber mengikut tahun

<b>Kategori Sumber</b>	<b>Kegunaan Sumber Mengikut Tahun</b>		
	<b>(n=441)</b>		
	<b>1987</b>	<b>1997</b>	<b>2014</b>

	(n=55)	(n=132)	(n=254)
Ahli politik dalam negara	58%	59.9%	35%
Menteri	21.9%	22%	26.8%
Bekas menteri	1.8%	-	0.8%
Kakitangan kerajaan	10.9%	6%	20.5%
Pihak operasi kempen	-	2.3%	1.6%
Rakyat biasa	3.7%	3%	9.4%
Wartawan atau penganalisis media	3.7%	3.8%	1.2%
Sumber lain	-	3%	4.7%
Jumlah	100%	100%	100%

Jadual 2 menunjukkan transisi kategori sumber mengikut tahun. Jika dilihat secara keseluruhan transisi kategori sumber, penggunaan sumber yang konsisten untuk setiap tahun hanyalah ahli politik dalam negara, menteri, kakitangan kerajaan, rakyat biasa dan wartawan atau penganalisis media. Manakala bagi sumber bekas menteri, pihak operasi kempen dan sumber lain, penggunaan sumber ini tidak konsisten di mana terdapat tahun yang langsung tidak digunakan oleh wartawan sebagai sumber dalam menyampaikan informasi atau maklumat mengenai politik dalam pilihan raya kecil. Pada tahun 1997 tiada data mengenai kategori sumber bekas menteri dan pada tahun 1987, tiada data bagi pihak operasi kempen dan sumber lain. Hasil kajian mengikut transisi tahun ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan keputusan secara keseluruhan penggunaan kategori sumber apabila ketiga-tiga kategori sumber ini secara keseluruhannya berada dalam kelompok tiga kategori mempunyai nilai peratusan terendah.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, ahli politik masih lagi menjadi sumber utama dalam laporan berita untuk ketiga-tiga tahun cuma terdapat pengurangan dan kenaikan dalam penggunaan sumber ini bagi setiap tahun. Hal ini kerana kajian ini menumpukan kepada pilihan raya kecil yang mana wartawan membuat liputan terhadap isu-isu di peringkat tempatan dengan memberi tumpuan liputan terhadap ahli-ahli politik tempatan atau setempat berbanding dengan liputan pilihan raya umum. Berbeza dengan pilihan raya umum, isu-isu yang diberi tumpuan oleh wartawan adalah isu-isu di peringkat nasional. Walaupun pilihan raya kecil bersifat setempat, namun keadaan ini tidak membataskan wartawan memilih sumber-sumber di peringkat yang lebih tertinggi. Jadual 2 menunjukkan bahawa data bagi kategori sumber menteri mempunyai peningkatan untuk setiap tahun berdasarkan tahun yang dikaji untuk setiap tahun 1987, 1997 dan 2014 walaupun menteri bukan sumber pertama yang dipilih oleh wartawan.

## PEMILIHAN DAN AUTORITI SUMBER

Bagi menjawab persoalan pemilihan dan autoriti sumber, temu bual mendalam telah dijalankan dengan wartawan yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam dunia kewartawanan.

### **Pemilihan Sumber**

Hasil temu bual mendapati bahawa wartawan mempunyai hak dalam pemilihan sumber berita berdasarkan penghebahan jadual aktiviti semasa minggu berkempen berlangsung. Ini bermakna wartawan memilih sumber berdasarkan jadual perancangan yang telah diberikan oleh pusat media menjelang pilihan raya. Pemilihan sumber berita adalah sama bagi semua agensi berita tetapi bagaimana wartawan tersebut mengolah dan membingkaikan berita tersebut terpulang kepada wartawan itu sendiri mengikut agensi berita masing-masing.

*Haa.. dia ada dua kaedah satu menjelang pilihan raya akan menubuhkan media center. Dalam media center itu dia mempunyai pegawai seranta yang akan menghebahkan jadual calon dan jadual pergerakan dan kepimpinan pemimpin tertinggi parti. Apa yang perlu dilakukan ialah setiap media itu.. akan berpecah kerana saya sebut daripada awal tadi semua level of pemberitaan pilihan raya itu menjadi penting.. daripada makcik di kampung.. lawatan mak cik kampung, lawatan calon.. lawatan pucuk kepimpinan.. sampailah memberi bantuan itu adalah benda yang penting.. yang sama equal dia.. tidak ada bezanya.. cuma paparan dalam surat khabar dalam media nanti..[Wartawan A]*

Kenyataan ini boleh dikaitkan dengan contoh yang diperkenalkan oleh Barbour dan Wright (2001). Mereka memperkenalkan contoh yang menentukan pandangan mereka dalam melihat isu dalam berita di mana orang ramai boleh melihat perbezaan keadaan yang berkaitan dengan peristiwa bencana. Salah seorang wartawan boleh menulis dari sudut positif maupun negatif dalam penyampaian maklumat mengenai bencana ini. Secara tidak langsung, dapatan ini menunjukkan bahawa wartawan boleh membingkaikan berita dengan menggunakan sumber tersebut dan menyampaikannya kepada khalayak dalam pelbagai sudut berita.

Bagi pemilihan kategori sumber pula, wartawan memilih kategori sumber mengikut kedudukan kepimpinan daripada yang tertinggi sehingga yang terendah. Kepimpinan tertinggi diutamakan terlebih dahulu berbanding dengan kepimpinan politik yang lain. Menurut wartawan lagi, ruang sumber yang utama akan diberikan kepada Perdana Menteri terlebih dahulu kerana jawatan tersebut merupakan kepimpinan tertinggi dan pilihan sumber yang kedua ialah calon bagi sesuatu kawasan. Ahli kepimpinan tertinggi merupakan golongan yang berpengaruh dan berkuasa.

Harcup dan O'Neill (2001) mengatakan kuasa golongan elit iaitu individu yang mempunyai kuasa dalam organisasi mahupun institusi merupakan salah satu kriteria dalam pemilihan berita.

*Priority sudah mestilah pemimpin tertinggi.. sebab pemimpin tertinggi akan menjadi priority yang utama. Sebab pemimpin tertinggi.. barulah calon.. sebab calon dalam pilihan raya. Barulah level yang ketiga.. bantuan diberikan oleh pihak-pihak parti kepada pengundi pilihan raya.. rankingnya begitu... dan sumber.. bila dorang pergi assignment sudah pastunya ada sumber.. sebab berita asasnya tidak boleh tulis tanpa sumber.. contohnya pergi kepimpinan tertinggi dia akan p dekat perdana menteri.. jadi dia akan dapat sumber perdana menteri.. kalau dia pergi kepada calon.. dia akan quote calon itu sebagai sumbernya.. kalau dia pergi ke kampung, akan pergi kepada puteri.. pergerakan ketua puteri dan sebagainya akan memberi bantuan. [Wartawan D]*

Sumber juga merupakan satu perkara yang penting dalam laporan berita. Malah sumber merupakan satu perkara wajib yang perlu ada dalam laporan sesuatu isu mahupun peristiwa.

*Dan maknanya sumber ini adalah satu benda yang you pergi, you makan nasi mesti ada lauk. Benda itu memang secara automatik dah ada.. dan sumber boleh jadi sahaaja.. dia tidak ada.. aaa.. kasta sumber.. tiada.. pemberitaan memerlukan sumber.. [Wartawan E]*

### **Autoriti Sumber**

Wartawan perlu memilih sumber yang berautoriti dalam menyampaikan maklumat atau informasi kepada khalayak terutamanya maklumat mengenai pilihan raya. Pemilihan sumber perlu selari dengan topik atau isu yang ingin dibincangkan supaya dapat mengekalkan kredibiliti dan autoriti sesuatu berita walaupun dalam dunia digital. Pemilihan sumber berdasarkan jawatan yang dipegang. Tidak salah sekiranya dua jawatan yang dipegang oleh sumber tetapi mengolah atau memberi pandangan mengenai satu isu yang berkaitan dengan satu jawatan yang dipegang. Hal ini kerana kebanyakan ahli politik memegang dua atau lebih jawatan satu-satu masa. Jawatan yang dipegang dalam sektor kerajaan berlainan dengan jawatan yang dipegang dalam dunia politik.

*berita masih kekal autoriti.. mana boleh buat main sumber kita.. bahaya.. isu yang bertentangan tak boleh.. tapi kita tengok jawatan dalam politik jawatan lain pulak.. ada dalam politik jawatan lain.. kalau politik boleh.. kalau kita nak tanya hal politik.. ekonomi politik.. memang boleh.. tapi kalau dia tidak ada apa-apa dalam jawatan politik.. memang tak kena.. sangat penting.. jangan buat main autoriti dalam pemberitaan.. salah woo.. [Wartawan B]*

Autoriti sumber merupakan satu perkara yang penting dan perlu dititikberatkan. Ini kerana sumber berita politik melibatkan individu-individu berpengaruh yang dapat menyebarkan ideologi politik melalui media. Perkaitan antara media dan sumber ini menunjukkan bahawa masing-masing saling memerlukan. Media bukan merupakan satu organisasi, tetapi merupakan institusi tunggal yang telah dikuatkuasakan semula ideologi dan struktur kuasa politik, mempunyai pengaruh autoritarian dan dikendalikan sebagai tempat bimbingan kolektif untuk pemikiran, prinsip dan tindakan rakyat (Cook, 1998).

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Selaras dengan perkembangan teknologi, media semakin peka dan berkembang dalam menyampaikan maklumat mengenai isu politik. Media khususnya wartawan dan penglibatan ahli politik yang dijadikan sumber dalam pilihan raya saling berkaitan dalam berita sama ada liputan secara positif atau negatif mengenai ahli politik itu sendiri. Sumber merupakan salah satu aspek dalam objektiviti dunia kewartawanan. Malah sumber juga merupakan salah satu aspek yang menunjukkan norma profesional dalam kalangan wartawan semasa menyampaikan informasi dan maklumat kepada khalayak.

Hasil analisis kandungan menunjukkan pemilihan kategori sumber mempunyai hubungan dengan bingkai berita pilihan raya. Pemilihan ahli politik negara sebagai sumber menunjukkan individu ini merupakan individu yang layak memberi idea atau pendapat dalam isu politik menjelang pilihan raya. Secara umumnya, organisasi politik memberi pengaruh kepada bingkai berita yang diberi liputan oleh media manakala ahli politik mempengaruhi kekerapan bingkai dalam laporan berita (Hanggli 2011). Malah golongan ahli politik ini juga merupakan golongan yang dikenali dalam konteks politik. Pengkaji tempatan Faridah dan Mohd Safar (2005) dalam kajian mereka mendapati bahawa sumber berita yang popular dipetik oleh media cetak mahupun media elektronik merupakan golongan elit atau golongan yang dikenali berbanding sumber yang tidak dikenali dan bukan golongan elit.

Manakala hasil kajian temu bual mendalam membuktikan bahawa wartawan layak memilih sumber berdasarkan perjalanan aktiviti kempen sebelum pilihan raya berlangsung. Malah sumber yang dipilih perlu mempunyai autoriti dalam isu yang dibincangkan. Jika dilihat sumber utama dalam berita, ahli politik merupakan sumber paling kerap dipetik dalam akhbar. Malah, hasil ini selari dengan kenyataan wartawan bahawa semasa pilihan raya tidak kira pilihan raya kecil mahupun pilihan raya umum, sumber dalam berita bingkai politik tertumpu kepada kepimpinan

utama dalam kerajaan. Sumber merupakan satu perkara yang wajib dalam berita yang memberi nilai dan tahap kepercayaan khalayak terhadap maklumat yang diberikan dalam laporan sesuatu berita atau peristiwa.

## **BIODATA**

***Mohd Zuwairi Mat Saad*** merupakan calon PhD di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

***Prof. Madya Dr. Normah Mustaffa*** adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah kewartawanan, media baharu dan komunikasi visual.

***Dr. Abdul Latiff Ahmad*** adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah komunikasi antara budaya dan media baharu.

***Badrul Redzuan Abu Hassan*** adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah kajian media dan budaya.

## **RUJUKAN**

- Abdul Latiff Bakar. (1998). *Peranan Media dalam Pilihan Raya Persekutuan*Abdul Latiff, B. 1998. *Peranan Media dalam Pilihan Raya Persekutuan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Barbour, C., & Wright, G. (2001). *Keeping the republic: Power and citizenship in American politics*. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Berkowitz, D. (1987). TV news sources and news channels: A study in agenda-building. *Journalism Quarterly*, 64, 508–513.
- Berkowitz, D. (1992). Who sets the media agenda? The ability of policymakers to determine news decisions. In J. D. Kennamer (Ed.), *Public Opinion, the press, and public policy* (pp. 81–102). Westport, CT: Praeger.
- Cobb, R. W., & Elder, C. (1971). The politics of agenda building: An alternative perspective for modern democracy theory. *Journal of Politics*, 33, 892–302.
- Conrad, P. (1999). Uses of expertise: Sources, quotes and voice in the reporting of genetics in the news. *Public Understanding of Sciences*, 8, 285–302.
- Cook, B. J. (1998). Politics, Political Leadership, and Public Management. *Public Administration Review*, 58(3), 225–230.
- Corbett, J. B., & Mori, M. (1999). Medicine, media and celebrities: News coverage of breast cancer, 1960-1995. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 76, 229–249.
- Cross, K. A. (2010). Experts in the News: The Differential use of Sources in Election Television News. *Canadian Journal of Communication*, 35(3), 413–429.

- Dimitrova, D. V., & Strömbäck, J. (2012). Election news in Sweden and the United States: A comparative study of sources and media frames. *Journalism*, 13(5), 604–619. <http://doi.org/10.1177/1464884911431546>
- Dunwoody, S. (1987). Scientists, journalists and the news. *Chemical & Engineering News*, 65(46), 47–49.
- Dunwoody, S., & Ryan, M. (1987). The credible scientific source. *Journalism Quarterly*, 64, 21–27.
- Faridah Ibrahim, & Mohd Safar Hashim. (2005). *Penggunaan sumber berita dalam media cetak dan elektronik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Goodell, R. (1977). *The visible scientists*. Boston, MA: Little Brown.
- Harcup, T., & O'Neill, D. (2001). What is news? Galtung and Ruge revisited. *Journalism Studies*, 2(2), 261–268.
- Jeniri Amir. (2005). Agenda Akhbar dan Agenda Politik MCA. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 7(1), 101–110.
- Lacy, S., Wildman, S. S., Fico, F., Bergan, D., Baldwin, T., & Zube, P. (2013). How Radio News Uses Sources to Cover Local Government News and Factors Affecting Source Use. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 90(3), 457–477.
- Maier, S., & Kasoma, T. (2005). Information as good as its source - An examination of source diversity and accuracy at nine daily U.S. newspapers. In *International Communication Association*. New York, NY.
- Matthews, J. (2013). News narratives of terrorism: Assessing source diversity and source use in UK news coverage of alleged Islamist plots. *Media, War & Conflict*, 6(3), 295–310.
- Miller, A., & Kurpius, D. (2010). A Citizen-Eye View of Television News Source Credibility. *American Behavioral Scientist*, 54(2), 137–156.
- Nelkin, D. (1995). *Selling science: How the press covers science and technology*. New York, NY: Freeman.
- Nisbet, M. C., & Lewenstein, B. V. (2002). Biotechnology and the American media: the policy process and the elite press, 1970 to 1999. *Science Communication*, 23, 359–391.
- Pjesivac, I., & Rui, R. (2014). Anonymous sources hurt credibility of news stories across cultures: A comparative experiment in America and China. *International Communication Gazette*, 0(0), 1–20.

- Ross, K. (2007). The journalist, the housewife, the citizen and the press: Women and men as sources in local news narratives. *Journalism*, 8(4), 449–473.
- Shahira, F. (2005). Emerging alternatives or traditional news gates: Which News Sources Were Used to Picture the 9/11 attack and the Afghan War? *Gazette*, 67(5), 381–398.
- Sigal, L. (1973). *Reporters and officials: The organization and politics of newsmaking*. Lexington, MA: Heath.
- Sumpter, R. S., & Garner, J. T. (2007). Telling the Columbia Story: Source Selection in News Accounts of a Shuttle Accident. *Science Communication*, 28(4), 455–475.
- Tanner, A. H., & Friedman, D. B. (2011). Authorship and information sourcing for health news on local TV web sites; an exploratory analysis. *Science Communication*, 33, 3–27.
- Tuchman, & Gaye. (1978). *Making news. A study in the construction of reality*. New York: Free Press.
- Tuchman, G. (1978). *Making News: A study in the construction of reality*. New York: The Free Press.
- Van Dijk, T. A. (1995). Power and The News Media. In *Political Communication and Action* (pp. 9–36). Cresskill, NJ: Hampton Press.
- Yahaya Ismail. (2003). *UMNO Politics: Abdullah Badawi's Dilemma*. Cheras, Selangor: Usaha Teguh.